

## **Impak Migrasi Pelarian Muslim Filipina Terhadap Survival Politik Muslim Sabah (1963 - 2013)**

### ***The Impact of Migration of Philippines Muslim Refugees to the Political Survival of Muslim in Sabah (1963 - 2013)***

Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin<sup>1</sup>, Ibnor Azli Ibrahim<sup>2</sup>, Azizah Kassim<sup>3</sup>

#### **ABSTRAK**

*Migrasi pelarian Filipina di Sabah bukan suatu isu baharu. Seperti mana pendatang asing tanpa izin (PATI) yang lain, pelarian Filipina turut dikaitkan memberi kesan negatif terhadap politik Malaysia amnya dan Sabah khususnya. Terdapat banyak kajian yang membahaskan ancaman kumpulan tersebut terhadap hal-ehwal politik Sabah. Bagaimanapun, kurang kajian yang melihat impak kedatangan mereka dari sisi pandang agama. Oleh itu, artikel ini akan membahaskan mengenai impak banjir pelarian Filipina yang majoritinya beragama Islam terhadap survival politik Muslim Sabah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Data dan maklumat yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik. Kajian mendapati bahawa migrasi pelarian Muslim Filipina ke Sabah secara tidak langsung telah mengubah populasi Islam daripada minoriti kepada majoriti. Ia telah menyumbang kepada peningkatan jumlah penyokong sekali gus membantu survival kepemimpinan orang-orang Islam dalam politik Sabah. Artikel ini diharapkan dapat menjadi titik tolak kepada kajian-kajian migrasi dari sisi pandang agama pada masa akan datang.*

**Kata kunci:** Migrasi Pelarian, Muslim Filipina, Politik Sabah

#### **ABSTRACT**

*Migration of Philippines refugees in Sabah is not a new issue. As per illegal immigrants (PATI), Philippines refugees also give negative impacts to the Malaysian politics in general, particularly in Sabah. There are many studies discussing the threat to the political affairs of the state. However, there is little research study on the impact of their presence from the religion perspective. Thus, this article will discuss the impact of the invasion of Philippines Muslims refugees to the political survival of Muslim in Sabah. This study is a qualitative approach using content analysis. Data and information were analyzed descriptively and arranged thematically. The study found that the migration of*

---

<sup>1</sup> Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Calon PhD Peradaban Islam, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, mnhidayath\_h@yahoo.com.

<sup>2</sup> Ibnor Azli Ibrahim, PhD (UIAM), Professor Madya, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam & Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, iabi@gmail.com.

<sup>3</sup> Azizah Kassim, PhD (UniLondon), Professor & Felo Penyelidik Utama, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, azizah\_bte\_kassim@hotmail.com.

*Philippines Muslims refugees to Sabah indirectly increase the Muslim population. Thus, contribute to the growing number of supporters which help the survival of Muslims' leadership in Sabah politics. This article is expected to be a starting point to the future studies of migration from the perspective of religion.*

**Keywords:** *Migration of Refugees, Philippines Muslim, Politics of Sabah*

## **Pendahuluan**

Migrasi pelarian Filipina di Sabah bukanlah satu perkara baharu. Seperti mana pendatang asing tanpa izin (PATI) yang lain, pelarian Filipina turut menjadi perbincangan dan kajian segenap lapisan masyarakat. Kesan dan impak kehadiran pendatang merupakan skop yang sering menjadi bahan perdebatan dan kajian sama ada dari sudut politik, ekonomi, sosial, keselamatan dan lain-lain lagi (Wan Shawaluddin & Ramli 2013; Azizah 2009; Amaluddin & Mohammad Raduan 2004). Bagaimanapun, kurang kajian yang mengetengahkan impak migrasi dari sisi pandang agama. Oleh itu, artikel ini akan membahaskan impak migrasi pelarian Filipina yang majoritinya beragama Islam terhadap survival politik Muslim Sabah.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Analisis dokumen dijalankan terhadap bahan-bahan bertulis yang berautoriti seperti artikel jurnal, prosiding persidangan dan kertas kerja seminar, tesis, laporan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan serta lain-lain lagi yang dapat membantu objektif kajian ini. Selanjutnya data dan maklumat yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik.

## **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

### **Politik Muslim Sabah**

Amalan berpolitik peribumi Sabah sebenarnya telah wujud sebelum kemerdekaan lagi. Bagaimanapun, pertubuhan politik secara formal telah bermula pada tahun 1960-an sejourus Tunku Abdul Rahman mengumumkan berkenaan pembentukan Malaysia yang menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu (PTM), Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak. Kesan daripada pengumuman tersebut, ia telah menimbulkan respon dan persepsi pelbagai dari peribumi Sabah. Terdapat di antara mereka yang menerima, ragu-ragu dan tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Hal ini kerana mereka tidak dapat menerima sekiranya penggabungan tersebut akan menggugat kepentingan kaum dan agama mereka. Justeru, tertubuhlah parti-parti politik yang beridentitikan kaum dan agama seperti United National Kadazan Organization (UNKO) yang beridentitikan peribumi bukan Islam etnik Kadazan-Kristian, United Sabah National Organization (USNO) yang beridentitikan peribumi etnik Melayu-Islam dan United Pasok Momogun Organization (UPMO) yang juga beridentitikan peribumi bukan Islam Kadazan-Murut pedalaman. UPMO ditubuhkan kerana menganggap parti UNKO lebih mengutamakan kaum Kadazan di bahagian Barat Sabah sahaja (Chamil 1992: 4). Bagi kaum Cina pula telah ditubuhkan

United Party (UP) dan Democratic Party (DP) yang seterusnya bergabung membentuk Borneo Utara National Party (BUNAP) dan Sabah Indian Congress (SIC). Walaupun telah wujud persatuan yang berorientasikan Islam pada tahun 1930-an, namun mereka hanya menumpukan kepada gerakan dakwah dan bantuan kebajikan kepada orang-orang Islam sahaja. Mereka tidak dapat mencampuri secara langsung dasar dan pemerintahan negeri. Oleh itu, USNO merupakan parti peribumi Islam terawal yang jelas ditubuhkan ke arah kepimpinan secara langsung terhadap Sabah.

Ketika mencapai kemerdekaan pada tahun 1963, Sabah telah diperintah oleh Parti Perikatan yang dibentuk melalui gabungan USNO, UNKO, UPMO, BUNAP dan SIC. Secara langsung dapat membentuk barisan kabinet pertama bagi mentadbir Sabah. Daripada 11 jawatan kabinet yang diwujudkan, tujuh jawatan disandang oleh rakyat tempatan dan dua daripadanya sahaja yang disandang oleh orang Islam iaitu Datuk Harris Salleh dan Tan Sri Mohd Said Keruak. Sungguhpun Ketua Negeri Sabah yang dikenali sebagai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri (TYT) adalah orang Islam iaitu Tun Datu Mustapha, namun beliau tidak mempunyai kuasa untuk menentukan perjalanan politik Sabah. Jawatan Ketua Menteri yang mempunyai kuasa secara langsung untuk mentadbir perjalanan politik telah di sandang oleh Tun Muhammad Fuad Stephen yang ketika itu masih beragama Kristian. (Regina 2008: 49-50)

Ketika pilihan raya tahun 1967 berlangsung, parti USNO telah berjaya membentuk kerajaan. Dengan demikian, USNO telah meletakkan barisan menteri dan pembantu menteri yang majoritinya terdiri daripada orang-orang Islam. Secara langsung, ia telah membuka peluang kepada kepimpinan Muslim menentukan corak politik Sabah. Pada ketika ini juga kepimpinan USNO sedar bahawa kepimpinan parti tidak akan berterusan sekiranya tiada usaha untuk mendapatkan penyokong yang ramai kerana penganut Islam hanyalah kumpulan minoriti. Pada ketika itu, penganut Islam hanyalah sepertiga daripada keseluruhan penduduk Sabah. Banci penduduk tahun 1960 merekodkan daripada keseluruhan penduduk yang berjumlah 475416, penganut Islam hanyalah seramai 172324. Manakala penganut Kristian berjumlah 75247 dan agama-agama lain termasuk yang tidak beragama berjumlah 2067040 (Ismail Yusoff 1997: 62). Seandainya keseluruhan penganut Islam memberikan undi kepada USNO masih tidak dapat memberikan mandat kepada parti untuk terus memerintah. Oleh itu, usaha untuk menambahkan jumlah penganut Islam perlu dilakukan.

#### Pelarian dan Statusnya dalam Perundangan Malaysia

Migrasi warga Filipina ke Sabah bukanlah suatu perkara yang asing. Pada abad ke-18, Sabah diperintah oleh Kesultanan Sulu. Justeru itu, aliran keluar masuk warga Filipina ke Sabah sentiasa berlaku terutamanya dalam aktiviti perdagangan. Malah ia juga bukan sesuatu yang luar biasa kerana kedudukan Sabah yang strategik telah menjadi perantara kepada perdagangan pertukaran barang (*barter trade*) di rantau ini (Wan Shawaluddin & Ramli 2005: 91). Ini menjadikan Sabah turut menerima kehadiran pedagang dari negara lain.

Pada tahun 1970-an, Presiden Filipina iaitu Ferdinand Marcos telah mengisytiharkan undang-undang darurat yang mengundang pergolakan dan pertempuran di antara pihak tentera dengan warga selatan Filipina. Pertempuran tersebut telah membawa kepada kerosakan harta benda dan korban nyawa yang banyak. Akibatnya

ribuan warga selatan Filipina telah melarikan diri ke Sabah. Menurut laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (2014) dianggarkan seramai 73000 sehingga 150000 pelarian Filipina telah memasuki Sabah pada tahun 1970-an.

Malaysia tidak mempunyai peruntukan dalam memberikan perlindungan terhadap golongan pelarian. Ini kerana Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1957 dan Protokol 1967 berhubung tanggungjawab memberikan perlindungan terhadap pelarian antarabangsa. Undang-undang Malaysia berhubung hal-ehwal imigresen dirujuk kepada Akta Imigresen 1959/63. Berdasarkan kepada akta tersebut, “mana-mana individu yang menyalahi Seksyen 5, 6, 8, 9 dan 15 Akta Imigresen 1959/63 atau Peraturan 39, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, maka individu tersebut tergolong sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)”. Ini menjadikan tiada perbezaan di antara pelarian dengan PATI. Pelarian turut berdepan dengan tindakan yang sama seperti PATI iaitu tangkapan, tahanan, hukuman dan penghantaran semula ke negara asal. Sungguhpun demikian, atas dasar perikemanusiaan dan mempunyai darah berketurunan Sulu, Ketua Menteri Sabah Tun Datu Mustapha telah menerima dan membenarkan pelarian tersebut untuk mendapatkan perlindungan di Sabah.

Sungguhpun krisis selatan Filipina telah reda pada tahun 1990-an, namun majoriti pelarian tersebut tidak kembali ke sana. Sebaliknya, jumlah mereka semakin bertambah ekoran berlaku migrasi rantaian yang melibatkan kenalan, keluarga dan rakan-rakan mereka yang datang ke Sabah sama ada secara sah mahupun tidak. Sehingga kini, migrasi warga Filipina ke Sabah tidak mempunyai tanda berhenti. Kesannya ia bukan sahaja telah meningkatkan populasi penduduk malah penganut Islam Sabah.

#### Impak Pelarian Muslim Filipina Terhadap Survival Politik Muslim Sabah

Dalam usaha meningkatkan komposisi penganut Islam, sebuah pertubuhan Islam bukan kerajaan iaitu United Sabah Islamic Association (USIA) telah ditubuhkan pada tahun 1969. USIA yang ditunjangi oleh pemimpin-pemimpin USNO dan dibantu oleh barisan agamawan tempatan dan luar, telah melakukan proses pendakwaan dan pengislaman besar-besaran ke seluruh Sabah. Sehingga tahun 1976 seramai 84075 orang telah berjaya diislamkan (Zalina 2006). Malah merupakan satu kejayaan besar apabila dakwah USIA telah dapat menambat hati tokoh-tokoh politik bukan Islam seperti Tun Fuad Stephen dan Datuk Ghani Gilong untuk memeluk Islam pada tahun 1971. Secara tidak langsung ia telah memperkasakan lagi politik Muslim Sabah kerana mereka merupakan tokoh yang mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan etnik peribumi terbesar Sabah iaitu Kadazandusun (Emin 2009: 5 & 64). Ini diikuti juga oleh pemimpin-pemimpin politik lain seperti Andrew Matakim (Idrus Matakim), Suffian Koroh, Fazil Wong, Johari Majakil, Abdul Latif Hawkins, Mohd Noor Nicholas dan ramai lagi (Hamdan 2015: 181). Penerimaan mereka terhadap Islam menjadikan keluarga dan sebahagian pengikut-pengikut mereka turut menerima Islam. Banci penduduk tahun 1970 merekodkan dari keseluruhan penduduk yang berjumlah 651304, Islam adalah 260945, Kristian 157422, Buddha 63313, lain-lain agama 94495, dan tidak beragama 75131 (Banci Penduduk dan Perumahan Sabah 1970). Usaha USIA tersebut telah menjadikan Islam sebagai kumpulan agama majoriti di Sabah.

Ahli-ahli politik yang telah menganut Islam telah merobah kedudukan kerusi DUN apabila 2/3 telah diisi oleh orang-orang Islam. Dengan pencapaian tersebut, USNO sekali

lagi telah berjaya mengekalkan tampuk pemerintahan apabila berjaya memenangi pilihan raya pada tahun 1971. Pada tahun tersebut juga kerajaan telah menubuhkan Majlis Agama Islam Sabah (MUIS). Dengan adanya badan agama kerajaan tersebut, ia mempunyai kuasa dan bertanggungjawab menjaga kepentingan dan kemaslahatan orang-orang Islam sama ada dari sudut ekonomi, pendidikan, dakwah dan sebagainya. Malah kekuatan Islam terserlah dan semakin kukuh apabila berjaya menjadikan agama rasmi bagi negeri Sabah pada tahun 1973. Dengan demikian, pemimpin-pemimpin Islam dapat memperjuangkan kepentingan Islam dengan lebih mudah sekali gus dapat menjaga kelangsungan politik orang-orang Islam.

USNO merupakan satu-satunya parti politik peribumi Islam yang wujud sejak 1961 sehinggalah kemunculan Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) pada tahun 1975. Sungguhpun USNO gagal membentuk kerajaan pada pilihan raya 1976, namun hakikat sebenarnya penduduk Sabah masih cenderung kepada parti tersebut. Ini dapat dilihat pada keputusan pilihan raya 1976 tersebut apabila parti BERJAYA hanya memenangi tiga kerusi di kawasan majoriti pengundi Islam, manakala selebihnya dimenangi dalam kawasan majoriti pengundi bukan Islam dan Cina (Hamdan 2015: 70). Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa penduduk Sabah masih inginkan survival politik orang Islam dan percaya bahawa kepimpinan USNO seperti Tun Datu Mustapha boleh meneruskannya.

Apabila parti BERJAYA memegang tampuk pemerintahan, kelangsungan parti tersebut turut diperkasakan. Seperti mana USNO, BERJAYA juga menyusun majoriti barisan kabinetnya terdiri daripada orang-orang Islam. Sekiranya pada zaman USNO, USIA merupakan *main power* bagi perkembangan Islam, BERJAYA pula menjadikan MUIS sebagai badan utama menggerakkan dakwah dan syiar Islam Sabah. Seperti mana yang dilakukan oleh Tun Datu Mustapha, Datuk Harris Salleh turut meneruskan proses pendakwaan dan pengislaman dengan dibantu oleh agamawan tempatan dan luar dari Indonesia, Filipina, Semenanjung Malaysia dan lain-lain (Nurasnie 2012: 64).

Seperti yang dijelaskan, kemasukan pelarian Filipina telah bermula sejak pemerintahan USNO dan berlanjutan sehingga ke pemerintahan BERJAYA. Rata-rata pelarian Filipina adalah daripada suku kaum Bajau, Visaya dan Suluk yang beragama Islam. Malah kerajaan negeri telah menetapkan bahawa pelarian Filipina yang dibenarkan untuk menerima perlindungan hendaklah beragama Islam. Begitu juga dalam tempoh yang sama, Sabah turut didatangi oleh migran ekonomi daripada Indonesia dan Filipina yang ingin mendapatkan pekerjaan ekoran kepesatan pembangunan ekonomi Sabah. Setelah sekian lama berada di Sabah, sebahagian mereka telah menerima kerakyatan Malaysia. Mereka yang berasimilasi dengan penduduk tempatan juga secara tidak langsung mendapat taraf penduduk tetap dan anak-anak menjadi warganegara. Dengan demikian ia bukan sahaja menambahkan jumlah penganut Islam di Sabah malah berpotensi menjadi pengundi kepada parti orang-orang Islam. Ini seperti mana dinyatakan oleh Sadiq Kamal bahawa: “*The goal of Malays, who dominate the federal government is to change the demographic and political character of Sabah so that it becomes Malay-Muslim dominated, and because of cultural-religious commonalities, these immigrant Indonesian and Filipino can easily be Malayized over time and will support Malay-Muslim parties*” (Kamal 2005: 116).

Sungguhpun USNO dan BERJAYA gagal membentuk kerajaan pada pilihan raya 1985 dan 1986 apabila tewas kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) iaitu sebuah parti dominan

bukan Islam, namun usaha bagi mendapatkan semula kepimpinan orang-orang Islam tetap dilakukan. Antara usaha yang dilakukan adalah dengan membawa masuk parti Islam dari semenanjung Malaysia iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS) ke Sabah pada tahun 1986. PAS telah menyertai setiap pilihan raya Sabah sejak 1986 sehingga 2013 namun tidak pernah memenangi sebarang kerusi sama ada peringkat Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri. Walaupun demikian, parti tersebut terus berkembang dan mulai diterima di Sabah. Perkembangan PAS di Sabah adalah usaha golongan migran semenanjung yang terdiri daripada guru-guru, pendakwah dan aktivis agama yang berkhidmat di Sabah (Bakri 2013: 45-46).

**Jadual 1 : Jumlah Pungutan Undi Kerusi DUN & Parlimen PAS dalam Pilihan Raya Umum Sabah 1986 – 2013**

Tahun	1986	1990	1995	1999	2004	2008	2013
<b>DUN</b>				N.13 Likas (200)	N.42 Sungai Sibuga (415)	N.48 Sukau (76)	N.03 Pitas (976)
				N.06 Tempasuk (239)	N.60 Sebatik (452)	N.58 Merotai (931)	N.06 Tempasuk (1769)
				N.35 Sekong (121)	N.06 Tempasuk (426)		N.17 Tanjung Aru (5409)
				N.48 Sukau (126)	N.08 Usukan (413)		N.48 Sukau (1432)
				N.58 Merotai (373)	N.48 Sukau (1028)		N.59 Kunak (1002)
				N.47 Kalabakan (293)	N.58 Merotai (1039)		N.54 Bugaya (702)
					N.60 Sebatik (452)		N.58 Merotai (3957)
							N.59 Tanjong Batu (3228)
							N.60 Sebatik (1334)
<b>Jumlah Undi</b>	-	-	-	1352	4225 (213%)	1007 (-76%)	19809 (1867%)

<b>Parlimen</b>	P.136 Kota Belud (3629)  P.139 Jamboang an (2757)  P.147 Kimanis (1960)	P.151 Tawau (426)	P.165 Tawau (825)	P.148 Kota Belud (1515)  P.150 Gaya (729)			P.185 Batu Sapi (9287)  P.191 Kalabakan (8904)
<b>Jumlah Undi</b>	8346	429 (-95%)	825 (92%)	2247 (172%)			18191 (710%)
<b>Jumlah Keseluruh -an</b>	8346	429 (-95%)	825 (92%)	3599 (336%)	4225 (17%)	1007 (-76%)	38000 (3674%)

**Sumber: Diambil dan diubahsuai daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**

Berdasarkan Jadual 1 di atas, sepanjang penyertaan PAS dalam pilihan raya Sabah sejak 1986 sehingga 2013, penurunan jumlah undi telah berlaku pada tahun 1990 dan 2008. Penurunan pada tahun 1990 kerana pada era tersebut parti PBS merupakan parti yang kuat dan telah dijangkakan memperoleh kemenangan seperti pada tahun 1985 dan 1986. Pada tahun 2008, PAS tidak meletakkan calon yang ramai kerana memberikan laluan kepada calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) di samping mengelakkan pertembungan pelbagai penjur (Bakri 2013: 46). Walaupun sering mengalami kekalahan, secara tersirat parti tersebut telah mempamerkan satu perkembangan yang baik dalam politik Muslim Sabah. PAS bukan sahaja berkembang dari sudut pertambahan calon-calon DUN dan Parlimen, malah sokongan undi yang turut meningkat. Ini menunjukkan sebahagian orang-orang Islam Sabah semakin mempunyai kecenderungan untuk membawa satu lagi bentuk politik Muslim melalui PAS.

Selepas kemasukan PAS, sebuah lagi parti Melayu-Islam dari semenanjung Malaysia iaitu United Malays National Organization (UMNO) telah di bawa masuk ke Sabah oleh kepimpinan USNO pada tahun 1990 (Chamil 1992: 1). Dengan kemasukan UMNO telah memberikan nafas baru kepada perkembangan politik Muslim Sabah. Walaupun tidak memenangi pilihanraya 1991, namun bermula pilihanraya 1994 sehingga 2013, UMNO-BN telah berjaya memegang tampuk pemerintahan di Sabah. Kemenangan UMNO merupakan hasil sokongan orang-orang Islam terhadap parti tersebut.

Seperti mana USNO dan BERJAYA, kemenangan berterusan UMNO juga tidak terpencil daripada dikaitkan dengan pembuangan undi dari golongan PATI termasuk pelarian Filipina. Umpamanya pada tahun 1999, BN telah kehilangan kerusi bagi Parlimen Pulau Gaya kerana mahkamah mendapati penglibatan PATI sebagai pengundi hantu. PATI juga amat penting kepada parti-parti politik tertentu kerana selain daripada menjadi pengundi, mereka juga berperanan sebagai penggerak dalam kempen-kempen politik seperti menampal poster, bunting dan edaran risalah. Malah PATI juga terpaksa memilih untuk melibatkan diri kerana mempunyai kepentingan tersendiri seperti mendapat bayaran dan

dokumen pengenalan diri yang membolehkan mereka menikmati faedah yang sama seperti penduduk tempatan. Selain itu mereka dapat mengelakkan diri daripada sebarang gangguan daripada pihak penguat kuasa (Wan Shawaluddin & Md Saffie 2008: 131-134). Sudah tentu habuan sedemikian sesuatu yang sangat diinginkan bagi survival hidup mereka di Sabah tanpa berdepan dengan sebarang masalah.

Pada tahun 2008, amalan penggiliran Ketua Menteri menukar pemimpin setiap 2 tahun (Peribumi Islam- Peribumi bukan Islam- Cina) telah dipinda. Sejak 2008 sehingga kini jawatan Ketua Menteri Sabah telah disandang oleh peribumi Islam berbangsa Melayu iaitu Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman. Secara tidak langsung melalui UMNO survival politik peribumi Islam telah kembali dan kekal sehingga kini.

## KESIMPULAN

Islam merupakan agama majoriti dianuti dan telah menjadi agama rasmi bagi negeri Sabah. Agama tidak dinafikan memainkan peranan yang penting dalam perjalanan politik sesebuah negara. Sebagai sebuah negeri yang diduduki oleh majoriti Islam, kepimpinan orang-orang Islam perlu dikekalkan agar dapat menjaga keperluan dan kemaslahatan orang-orang Islam. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kepimpinan Islam bagi mencapai objektif tersebut. Ini termasuklah penerimaan terhadap migrasi pelarian Muslim Filipina ke Sabah. Kedatangan mereka jelas telah memberikan impak yang besar kepada kelangsungan politik peribumi Islam Sabah. Sungguhpun politik Sabah mempunyai pasang surutnya kerana melibatkan kepentingan kaum dan agama masing-masing, namun sesuatu yang perlu diakui dan dipuji bahawa ia tidak dapat merosakkan perpaduan rakyat Sabah yang telah terjalin kukuh. Sikap toleransi yang tinggi menjadikan rakyat Sabah hidup dalam keadaan harmoni walaupun mempunyai ideologi politik yang berbeza.

## BIBLIOGRAFI

Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). Jabatan Imigresen Malaysia.

Amaluddin Bakeri & Mohammad Raduan Mohd Ariff. 2004. Pembongkaran kampung air di Pulau Borneo: kajian kes Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Jati* 9: 1-17.

Amar Steve Shim Lip Kiong, Herman J. Luping, K.Y. Mustafa, Kamaruzaman Ampon & Henry Chin Poy Wu. 2014. Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah.

Azizah Kassim. 2009. Keadilan sosial untuk golongan minoriti: masyarakat pendatang asing di Malaysia. Kertas kerja Seminar "Keadilan Sosial: Ke Arah Peningkatan Kesaksamaan Peluang di Kalangan Anggota Masyarakat. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 23-24 Jun 2009.

Bakri Amboala. 2013. *Politik Islam di Sabah: Analisis Perkembangan Parti Islam Se-Malaysia di Daerah Tawau*. Disertasi Sarjana, Jabatan Siyasa Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia.



- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Chamil Wariya. 1992. *UMNO Sabah: Mencabar dan Dicabar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Emin Madi. 2009. *Sinar Perjuangan USIA*. Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah
- Hamdan Aziz. 2015. *USNO dan BERJAYA: Politik Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Yusoff. 1997. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamal Sadiq. 2005. When states prefer non-citizens over citizens: conflict over illegal immigration into Malaysia. *International Studies Quarterly* 49(1): 101-122.
- Keputusan Pilihan raya Umum Malaysia. <http://semak.spr.gov.my/spr/index.php> [24 Ogos 2016].
- Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
- Nurasnie Amirrudin. 2012. *Pendakwah Indonesia di Sabah (1967-1985)*. Tesis Sarjana. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Regina Lim. 2008. *Federal-State Relations in Sabah, Malaysia: The Berjaya Administration, 1976-85*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Md Saffie Abd. Rahim. 2008 .Pendatang tanpa izin dan pilihan raya umum ke-12: kes Sabah. *Jurnal Kinabalu* (4): 131-142.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2005. Penempatan Kampung Air di Kalangan Masyarakat Filipina di Sabah. Kertas Kerja Seminar Serantau Kampung Air, Universiti Brunei Darussalam, 29-31 Januari 2005.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2013. *Pendatang dan Isu Keselamatan di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Zalina Yahaya. 2006. USIA Tegakkan Syiar Islam di Sabah. 1 Februari. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0201&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0201&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm) [12 Februari 2015]